



ASN Imbang 1

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mei 2023

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 APRIL 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI) dan Prospektus Induk Tambahan Pertama (PITP) bertarikh 20 Oktober 2021 telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Kedua yang bertarikh 1 April 2023 (PITKD). Kemas kini yang dilakukan di dalam PI dan PITP adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Cooling-off Right*" dan "*Eligible Market*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Penambahan definisi berkenaan "*Distribution Channel*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Had dan Sekatan Pelaburan*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Komisen Ringan*" di bawah "*Fi, Caj dan Perbelanjaan*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Pembelian Dana/ Pelaburan Permulaan Minimum / Pelaburan Penambahan dan Pelaburan Maksimum*", "*Jualan Balik Dana*" dan "*Pelaburan Balik bagi Dana Berubah-Ubah*" di bawah "*Butir-butir Transaksi*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Tempoh Bertenang*" untuk memberi kejelasan dan kefahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 7) Kemas kini berkenaan "*Hebahan Maklumat kepada Pemegang Unit*" di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 8) Penambahan berkenaan "*Situasi-situasi Penamatan*" bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 9) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini di bawah "*Senarai Surat Ikatan yang dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah*";
- 10) Maklumat mengenai pelantikan baharu Encik Muzaffar bin Othman sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Latar Belakang Pengurus*";
- 11) Kemas kini profil pengurus bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Pengurus Pelaburan bagi Dana Unit Amanah*";
- 12) Kemas kini berkenaan "*Hak dan Liabiliti bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Terma-terma Penting bagi Surat Ikatan*";
- 13) Kemas kini berkenaan "*Mesyuarat Secara Maya bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Mesyuarat Pemegang Unit*";
- 14) Kemas kini berkenaan "*Pengecualian dan Variasi*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Dana Harga Tetap dan Dana Harga Berubah-Ubah di bawah "*Kelulusan dan Syarat*";
- 15) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Transaksi Pihak Berkaitan yang Berpotensi dan Sedia Ada*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 16) Penambahan berkenaan "*Konflik Kepentingan*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 17) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Polisi Pengurusan Konflik Kepentingan*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*"; dan
- 18) Kemas kini senarai ejen ASNB.

Notis ini adalah untuk memberitahu sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKD ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	14
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	15
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 1	16
7. PENYATA KEWANGAN	19
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mei 2023	19
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mei 2023	20
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mei 2023	21
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mei 2023	22
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mei 2023	23
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Mei 2023	24
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	53

LAPORAN PENGURUS



ASN Imbang 1

Pemegang-pemegang unit ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1, ("ASN Imbang 1") yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Imbang 1 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Imbang 1 bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2023.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN IMBANG 1	Aset Campuran	Imbang

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Imbang 1 adalah untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang menerusi pelaburan dalam portfolio yang seimbang dan melalui pelaburan semula pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

30 November.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Imbang 1 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>Sumber: www.bursamalaysia.com.my</i>	50
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	50

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Imbang 1 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.6 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Mei 2023, seramai 51,619 individu telah menyertai ASN Imbang 1. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	31,463	60.96	21,167,749.98	2.46
5,001 hingga 10,000	3,684	7.14	25,353,386.78	2.94
10,001 hingga 50,000	11,971	23.19	257,494,551.98	29.88
50,001 hingga 500,000	4,416	8.55	485,213,154.23	56.29
500,001 dan ke atas	85	0.16	72,672,830.13	8.43
JUMLAH	51,619	100.00	861,901,673.10	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 1 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 31.05.2023	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 November (%)		
		2022	2021	2020
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	2.29	2.82	7.03	6.00
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.00	3.34	5.11	2.30
Barangan Asasi Pengguna	3.38	4.14	1.19	6.18
Tenaga	1.97	0.77	1.03	1.67
Kewangan	13.54	16.05	13.31	10.64
Penjagaan Kesihatan	1.60	2.46	0.12	4.46
Perindustrian	7.38	5.52	6.22	7.14
Teknologi Maklumat	5.00	2.20	14.09	10.36
Bahan Asas	1.94	2.00	3.85	2.86
Hartanah	3.53	3.35	3.22	3.62
Utiliti	5.72	5.34	4.66	4.85
Jumlah	49.35	47.99	59.83	60.08
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	3.97	2.37	1.96	0.29
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	38.38	34.54	34.44	33.46
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	8.30	15.10	3.77	6.17
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Kewangan Berakhir 31.05.2023	Tahun Kewangan Berakhir 30 November (%)		
		2022	2021	2020
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	-	833,782	980,630	1,164,437
NAB Seunit (RM)	-	0.9103	0.9784	0.9529
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	2.71	2.74	3.32
NAB (RM'000)	793,582	808,961	953,167	1,123,866
NAB Seunit (RM)	0.9112	0.8832	0.9510	0.9197
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8789	0.8454	0.9277	0.8002
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.9173	0.8986	0.9948	0.9615
Unit Dalam Edaran ('000)	870,900	915,900	1,002,310	1,222,010
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	1 Disember 2022	1 Disember 2021	1 Disember 2020
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.68	1.53	1.38	1.22
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.48	1.48	0.66	0.50
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%) ³	-	3.07	2.88	3.61
Pulangan Modal (%) ⁴	3.17	-7.13	3.40	-1.79
Jumlah Pulangan (%) ⁵	3.17	-4.28	6.38	1.75

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 1 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 1 untuk tempoh kewangan dikira berbandukan asas harian.*
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 1 untuk tempoh kewangan dikira berbandukan asas harian.*
- Pulangan Pendapatan (%)*: $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- Pulangan Modal (%)*: $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
- Jumlah Pulangan (%)*: $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2023, ASN Imbang 1 tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 1 adalah seperti berikut:

	31 Mei 2023		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	1.94	3.45	1.70
Penanda Aras (%) ²	-2.80	0.66	-0.37

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-
$$= \left[\frac{(1+r_1) \times (1+r_2) \times \dots \times (1+r_n)}{n} - 1 \right] \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.
- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras Tabung ialah 50% FBM 100 dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah 50% FBM 100 dan 50% Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3-bulan.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN Imbang 1 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Kewangan Berakhir 31.05.2023	Tahun Kewangan Berakhir 30 November				
		2022	2021	2020	2019	2018
Jumlah Pulangan (%)	3.17	-4.28	6.38	1.75	3.62	-3.85
Penanda Aras (%) ¹	-1.24	-0.64	-0.45	2.49	-0.91	-0.57

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras Tabung ialah 50% FBM 100 dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah 50% FBM 100 dan 50% Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3-bulan.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Imbang 1 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 1.90% kepada RM0.7936 bilion berbanding RM0.8090 bilion bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2023. Walau bagaimanapun, NAB seunit mencatatkan peningkatan sebanyak 3.17% daripada RM0.8832 kepada RM0.9112 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2023.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Imbang 1 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 1. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Imbang 1 ("Tabung") adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya dalam sekuriti dan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, Tabung telah melaksanakan perumpukan aset yang seimbang dalam ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan tunai. Secara puratanya, perumpukan aset ialah pada kadar 51% ekuiti: 49% sekuriti berpendapatan tetap dan tunai, berbanding dengan penanda aras 50% ekuiti: 50% tunai. Perumpukan aset telah berubah dalam lingkungan 48%-55% ekuiti dan 45%-52% sekuriti berpendapatan tetap dan tunai setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai dan Tabung dapat menjana jumlah pulangan yang kompetitif dalam keadaan pasaran yang mencabar.

i. Ekuiti

Bagi pelaburan domestik, pelaburan tertumpu kepada sektor-sektor yang dilihat mempunyai asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan dividen yang stabil dalam memastikan pulangan yang kompetitif kepada Tabung dalam ketidakpastian persekitaran ekonomi dan pasaran domestik serta global. Pada suku pertama tahun kewangan, pelaburan Tabung telah tertumpu kepada sektor Kewangan yang dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan pinjaman dan pembiayaan yang lebih baik serta kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). OPR telah dinaikkan sebanyak satu kali oleh Bank Negara Malaysia (BNM) daripada 2.75% kepada 3.00% dan dijangka menghampiri kemuncak kitaran kenaikan kadar faedah. Peningkatan OPR ini dijangka memberi manfaat kepada keuntungan syarikat-syarikat dalam sektor Kewangan.

Pada suku kedua tahun kewangan, pelaburan Tabung telah beralih kepada sektor berorientasi perbelanjaan domestik seperti automotif dan barangan runcit yang disokong oleh perbelanjaan rakyat ekoran daripada kerancakan semula ekonomi tempatan setelah negara beralih kepada fasa endemik. Tabung juga telah menyertai beberapa tawaran awal permulaan dalam saham sektor Teknologi terutamanya dalam syarikat-syarikat yang mempunyai model perniagaan yang kukuh dan mempunyai produk-produk berteknologi tinggi seperti alat pembuatan dan pemrosesan semikonduktor.

Disebabkan oleh ketidakpastian persekitaran ekonomi dan pasaran saham antarabangsa, Tabung telah menurunkan perumpukan dalam pelaburan antarabangsa secara drastik demi memastikan kualiti aset kekal mapan serta menurunkan kadar risiko kemaruapan nilai portfolio. Pelaburan antarabangsa juga telah dilakukan secara lebih selektif dan tertumpu kepada saham-saham syarikat yang mempunyai prospek perniagaan yang kekal kukuh di sebalik kadar inflasi yang tinggi. Pelaburan taktikal telah dilaksanakan bagi menjana keuntungan dari hasil jual beli dan tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi dunia seperti sektor

Tenaga dan sektor Bahan Asas. Pelaburan Tabung turut tertumpu kepada pelaburan dalam sektor yang bersifat defensif seperti Penjagaan Kesihatan terutamanya Farmaseutikal, sektor Barangan Asasi Pengguna dan sektor Utiliti untuk berhadapan dengan keadaan pasaran modal yang mencabar. Tambahan pula, pelaburan secara taktikal telah dilakukan ekoran pembukaan semula ekonomi di negara China. Namun begitu, pelaburan dalam negara itu telah dikurangkan secara beransur-ansur setelah China mempamerkan prestasi yang kurang memberangsangkan berbanding jangkaan. Pasaran ASEAN dan Eropah turut mendapat tempias daripada pembukaan ekonomi di China terutama dalam sektor berkaitan pelancongan.

ii. **Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, Tabung telah berusaha untuk mempelbagaikan aset Tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap berdasarkan pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit bagi setiap terbitan. Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Kewangan, Utiliti dan Petrokimia yang mempunyai tempoh matang antara 5 sehingga 10 tahun. Sektor-sektor ini dilihat mempunyai prestasi kewangan yang kukuh selaras dengan risiko kredit yang diambil.

Pasa masa yang sama, Pengurus Pelaburan turut melakukan pelaburan secara taktikal dan lebih aktif di dalam sekuriti kerajaan seperti Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GII). Kemuncak kenaikan OPR telah mendorong kepada kenaikan kadar hasil MGS ke paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun, justeru menghasilkan peluang pulangan yang menarik bagi instrumen ini. Strategi pelaburan dalam MGS ini adalah lebih kepada penjanaan keuntungan daripada aktiviti jual beli kerana bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat daripada kenaikan harga, ekoran risiko kemelesetan ekonomi antarabangsa. Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.4% dengan purata tempoh matang portfolio selama 4.7 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Selain sekuriti berpendapatan tetap pasaran tempatan, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran negara maju seperti Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan struktur pasaran yang mampan, serta pasaran negara membangun ("Emerging Markets") seperti Indonesia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu, untuk mengambil peluang daripada kadar hasil yang tinggi dan pengukuhan kadar mata wang negara tersebut. Tabung juga mengambil bahagian dalam pasaran lain terutamanya yang mampu memberikan kadar hasil yang menarik bagi tujuan mempelbagai dan menambah baik profil pulangan Tabung.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi untuk membolehkan Tabung memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI ACWI Islamic telah mencatatkan peningkatan sebanyak +2.0%. Peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan dengan prestasi tertinggi telah dicatatkan oleh Amerika Syarikat (Nasdaq, +12.8%) diikuti oleh Taiwan (TWSE, +11.4%) dan Jerman (DAX, +8.8%).

Pada suku pertama tahun kewangan, bank-bank pusat antarabangsa terus mengetatkan dasar monetari secara agresif bagi mengawal inflasi yang akhirnya mengakibatkan anggaran kadar pertumbuhan ekonomi dunia disemak lebih rendah daripada anggaran sebelum ini. Kelemahan pasaran antarabangsa juga diburukkan lagi oleh pembukaan semula ekonomi negara China yang kurang memberangsangkan berbanding jangkaan. Krisis perbankan yang melanda Silicon Valley Bank (SVB) dan juga Credit Suisse turut memberi kesan negatif terhadap sentimen para pelabur. Namun begitu, pasaran saham antarabangsa kembali pulih pada suku kedua tahun kewangan, yang didorong oleh tanda-tanda bahawa Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) sudah menghampiri kemuncak kitaran kenaikan kadar faedahnya, kemajuan terkini dalam kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) serta tempas daripada pembukaan semula ekonomi negara China. Namun begitu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN pula telah merekodkan pulangan negatif disebabkan oleh aliran keluar pelabur asing daripada rantau ASEAN ke negara-negara maju yang mempamerkan pemulihan dalam pasaran-pasaran utama. Prestasi terendah dicatatkan oleh FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (KLCI, -6.8%), diikuti oleh Indonesia (JCI, -6.3%) dan Thailand (SET, -6.2%).

Prestasi Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan daripada paras 1,488.80 mata pada 30 November 2022 kepada paras 1,387.12 mata pada 31 Mei 2023. Paras tertinggi indeks adalah pada 20 Januari 2023 dengan 1,500.33 mata dan paras terendah adalah pada 31 Mei 2023 dengan 1,387.12 mata.

Sektor yang mengalami penurunan tertinggi dalam tempoh tinjauan adalah sektor Perindustrian (-12.5%) dan sektor Kewangan (-8.5%). Prestasi negatif sektor Perindustrian adalah berikutan penurunan permintaan eksport barangan negara disebabkan oleh pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu. Di samping itu, sektor Kewangan telah mempamerkan prestasi negatif disebabkan oleh jangkaan kemuncak kenaikan OPR yang akan memberi impak negatif kepada keuntungan bank kesan daripada penguncupan margin faedah bersih. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tinjauan adalah Petronas Chemicals (-21.2%), MR DIY (-20.9%) dan Top Glove (-17.1%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan dalam tempoh tinjauan pula adalah CELCOMDIGI (+16.1%), Tenaga Nasional (+8.4%) dan Maxis (+6.4%).

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku pertama 2023 telah meningkat sebanyak +5.6%, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang meningkat, aktiviti pelaburan yang berterusan, pasaran buruh yang bertambah baik dan aktiviti pelancongan yang lebih aktif. Walau bagaimanapun, pertumbuhan suku pertama 2023 lebih perlahan berbanding peningkatan sebanyak +7.0% pada suku keempat 2022, disebabkan oleh pertumbuhan eksport serantau yang terus menguncup berikutan pertumbuhan global yang lemah dan keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah merosot sebanyak -3.7% dan ditutup pada paras RM4.6130/USD pada 31 Mei 2023 berbanding RM4.4445/USD pada 30 November 2022. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras tertinggi iaitu RM4.2430/USD pada 30 Januari 2023, manakala paras terendah adalah RM4.6265/USD

pada 25 Mei 2023. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh kerisauan para pelabur terhadap kemungkinan kemerosotan pertumbuhan ekonomi global akibat kenaikan kadar faedah secara agresif yang diambil oleh bank-bank pusat antarabangsa bagi mengawal kadar inflasi sebelum ini. Ini juga telah menyebabkan para pelabur membeli mata wang yang lebih selamat terutamanya USD, justeru mendorong kepada penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun kewangan 30 November 2023, MGS 10-tahun telah mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan jumlah pulangan sebanyak 5.08%, disokong oleh kadar kupon sebanyak 3.58% dan pulangan harga sebanyak 1.50%. Kemuncak kenaikan OPR telah mendorong kepada kenaikan kadar hasil sekuriti kerajaan ke paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun, selari dengan jangkaan Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board), yang juga menghampiri kemuncak kitaran kenaikan kadar faedah setelah dinaikkan secara agresif dalam masa yang singkat pada tahun 2022. Ini telah mendorong pelabur untuk mengambil peluang untuk melabur dalam kelas aset ini yang memberi pulangan yang sangat menarik berbanding ekuiti. Sentimen kemelesetan ekonomi global yang dijangka berlaku pada separuh kedua tahun 2023 turut menyokong pelaburan untuk beralih secara aktif kedalam aset yang lebih defensif seperti sekuriti berpendapatan tetap.

BNM telah menaikkan kadar faedah dengan dasar monetari yang masih kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, OPR telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei 2023 daripada 2.75% kepada 3.00%. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 25 mata asas daripada kadar 2.85% kepada 3.10%.

Dalam usaha untuk menjinakkan inflasi, kenaikan kadar faedah dasar kekal sebagai alat monetari pilihan bank pusat di mana dalam tempoh 6 bulan berakhir Mei 2023, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) telah meningkatkan kadar faedah rizab persekutuan daripada 4.00% kepada 5.25% manakala Bank of England (BOE) dan European Central Bank (ECB) masing-masing juga telah menaikkan lagi kadar faedah dasar daripada 3.00% kepada 4.50% dan daripada 2.00% kepada 3.75%. Walau bagaimanapun, implikasi negatif kepada ekonomi berikutan kenaikan kadar faedah yang agresif ditambah dengan krisis perbankan pada suku kedua, telah membawa kepada kemungkinan bank-bank pusat menamatkan rejim pengetatan dasar monetari seawal hujung tahun ini.

Secara keseluruhannya, kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 3.39%, 3.47% dan 3.70%, masing-masing turun sebanyak 42, 45 dan 40 mata asas bagi tempoh 6 bulan, ekoran permintaan tinggi terhadap pelaburan di dalam kelas aset ini. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA1 berjangka 3 sehingga 10 tahun juga telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 42 sehingga 61 mata asas.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi separuh kedua tahun kewangan berakhir 30 November 2023, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal tempatan dan global akan terus mencabar, dipengaruhi oleh kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU). Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia serendah 2.8% untuk tahun 2023 dan 3.0% untuk tahun 2024 berbanding 3.4% bagi tahun 2022, didorong oleh jangkitan kemelesetan ekonomi dunia dan kesan daripada kenaikan agresif kadar faedah oleh bank-bank pusat seluruh dunia. Selain itu, terdapat juga risiko persaingan geopolitik di antara Amerika Syarikat dan China yang mampu meningkatkan lagi ketegangan perang dagangan di antara dua negara tersebut. Selain daripada faktor luaran, pasaran tempatan turut dipengaruhi oleh risiko pengurangan permintaan tempatan berikutan kenaikan kadar pembiayaan yang menyebabkan peningkatan kos membayar semula hutang oleh isi rumah serta sektor Korporat, dan secara langsung mengurangkan kecenderungan para pengguna untuk berbelanja.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan akan mempelbagaikan aset dalam portfolio pelaburan meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai untuk membantu Tabung memberi pulangan yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko portfolio pelaburan. Pengurus Pelaburan akan terus melaksanakan perumpukan aset yang aktif dengan menasarkannya pengagihan aset dalam ekuiti pada kadar antara 45-50% setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global serta kadar pulangan pasaran saham.

i. **Ekuiti**

Pelaburan ekuiti Tabung akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai kedudukan kewangan dan asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan pulangan dividen yang stabil. Namun, pelaburan ekuiti ini akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu.

Pelaburan akan dilakukan dalam sektor Utiliti yang dianggap sektor yang defensif dalam mengharungi keadaan pasaran modal yang mencabar. Selain itu, Tabung turut akan menambah pelaburan dalam sektor Pembinaan yang terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada suku keempat 2022 didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan untuk melaksanakan projek Light Rapid Transit (LRT) Bayan Lepas, Mass Rapid Transit (MRT) 3 and High Speed Rail (HSR). Pada masa yang sama, pelaburan secara taktikal akan dilakukan dalam sektor-sektor yang mendapat tempias daripada kerancakan ekonomi China terutamanya dalam sektor berkaitan pelancongan dan sektor Hartanah seperti Amanah Pelaburan Hartanah (REIT). Ini adalah bagi memastikan Tabung dapat mencapai pulangan yang berpatutan dalam menghadapi keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu. Secara amnya, Pengurus Pelaburan juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang mengalami kemruapan untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

Pengurus Pelaburan juga akan terus aktif dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan lebih bersifat taktikal, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan kewangan sedunia. Antara aspek yang akan diberi perhatian adalah keupayaan syarikat untuk mengekalkan kadar keuntungan dalam persekitaran kadar inflasi yang tinggi serta kemungkinan kemelesetan ekonomi global. Bagi mengurangkan risiko portfolio, pelaburan akan tertumpu dalam sektor yang lebih defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan terutamanya Farmaseutikal dan Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan penduduk dunia untuk kekal menggunakan ubat-ubatan tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Tabung akan melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi yang mendapat manfaat daripada kemajuan terkini dalam kecerdasan buatan (AI).

ii. **Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung.

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti berpendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Kemuncak kenaikan OPR pada tahun ini dan risiko kemelesetan ekonomi dunia memberi peluang kepada penambahan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap untuk potensi pulangan yang lebih baik. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras, dengan menasaskan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Pada masa yang sama, Pengurus Pelaburan akan turut melakukan pelaburan secara taktikal di dalam sekuriti kerajaan seperti MGS dan GII bagi penjanaaan keuntungan modal memandangkan bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai kecairan lebih tinggi berbanding bon korporat.

Bagi pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa, Tabung akan melakukan pelaburan taktikal untuk menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada para pelabur. Pengurus Pelaburan juga akan mencari peluang dalam pasaran bon negara membangun ("Emerging Markets") seperti Indonesia dan Arab Saudi, dalam konteks pengukuhan kadar mata wang negara tersebut, berbanding mata wang USD serta kadar hasil yang lebih menarik.

Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mei 2023, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 22 Jun 2023.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Jun 2023

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Jun 2023

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 1

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Mei 2023, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 19 sehingga 52.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mei 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahun ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan setengah tahun, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang

keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003
(LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor
No. 03083/07/2023 (J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
22 Jun 2023

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MEI 2023

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2022 RM
PENDAPATAN/(KERUGIAN)			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		8,415,201	7,585,761
Pendapatan dividen		10,365,365	9,741,516
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		1,158,030	5,669,458
Keuntungan/(Kerugian) tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		12,497,049	(51,160,415)
Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif (FVTPL)	9	(512,492)	-
(Kerugian)/Keuntungan bersih kadar tukaran asing		(1,003,878)	572,081
		<u>30,919,275</u>	<u>(27,591,599)</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	4,215,275	4,607,369
Yuran pemegang amanah	5	200,000	200,000
Ganjaran juruaudit		15,700	14,000
Yuran ejen cukai		2,200	2,200
Perbelanjaan pentadbiran		961,298	2,746,852
		<u>5,394,473</u>	<u>7,570,421</u>
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI	6	25,524,802	(35,162,020)
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>25,524,802</u>	<u>(35,162,020)</u>
Pendapatan/(Kerugian) bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		14,482,019	15,162,085
Tidak ternyata		11,042,783	(50,324,105)
		<u>25,524,802</u>	<u>(35,162,020)</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MEI 2023**

Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2022 RM
PENDAPATAN/(KERUGIAN) BERSIH SELEPAS CUKAI	25,524,802	(35,162,020)
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Keuntungan daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)	146,405	4,985,605
JUMLAH PENDAPATAN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	<u>25,671,207</u>	<u>(30,176,415)</u>
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	19,728,546	11,606,992
Tidak ternyata	<u>5,942,661</u>	<u>(41,783,407)</u>
	<u>25,671,207</u>	<u>(30,176,415)</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 MEI 2023**

	Nota	31.5.2023 RM	30.11.2022 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	251,840,345	284,490,877
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FTVPL)	8	475,909,388	402,364,511
Deposit dengan institusi kewangan	10	73,030,959	104,677,094
Tuntutan cukai		497,397	468,411
Pendapatan belum diterima	11	3,221,373	2,949,804
Jumlah terhutang daripada broker saham		9,277,308	13,081,611
Tunai di bank		17,042,532	28,440,707
JUMLAH ASET		830,819,302	836,473,015
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	24,820,890
Liabiliti derivatif (FVTPL)	9	477,092	-
Jumlah terhutang kepada broker saham		28,307,444	1,910,055
Jumlah terhutang kepada Pengurus		682,452	676,267
Jumlah terhutang kepada PNB	12	7,672,000	-
Pelbagai pemiutang		98,810	104,486
JUMLAH LIABILITI		37,237,798	27,511,698
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		793,581,504	808,961,317
EKUITI			
Modal pemegang unit	13	959,369,650	1,000,420,670
Rizab-rizab lain		(165,788,146)	(191,459,353)
JUMLAH EKUITI / NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		793,581,504	808,961,317
UNIT DALAM EDARAN	13	870,900,000	915,900,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		0.9112	0.8832

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MEI 2023**

	Modal	Rizab-rizab lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tak ternyata RM	
Pada 1 Disember 2021	1,078,844,160	55,659,963	(181,337,437)	953,166,686
Penjadian unit untuk jualan	218,570,300	-	-	218,570,300
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (30 November 2021)	27,293,700	-	-	27,293,700
Pembatalan unit	(287,092,680)	-	-	(287,092,680)
Jumlah keuntungan/(kerugian) komprehensif bagi tempoh semasa	-	15,162,085	(45,338,500)	(30,176,415)
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(3,555,093)	3,555,093	-
Pada 31 Mei 2022	<u>1,037,615,480</u>	<u>67,266,955</u>	<u>(223,120,844)</u>	<u>881,761,591</u>
Pada 1 Disember 2022	1,000,420,670	56,211,567	(247,670,920)	808,961,317
Penjadian unit untuk jualan	266,132,630	-	-	266,132,630
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (30 November 2022)	22,698,240	-	-	22,698,240
Pembatalan unit	(329,881,890)	-	-	(329,881,890)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	-	14,482,019	11,189,188	25,671,207
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	5,246,527	(5,246,527)	-
Pada 31 Mei 2023	<u>959,369,650</u>	<u>75,940,113</u>	<u>(241,728,259)</u>	<u>793,581,504</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MEI 2023**

	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	381,714,614	959,460,110
Pembelian pelaburan	(379,539,860)	(868,232,922)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	8,941,295	8,267,703
Dividen bersih diterima	10,437,391	8,843,014
Yuran pengurusan dibayar	(4,209,089)	(4,673,690)
Yuran pemegang amanah dibayar	(200,000)	(200,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(984,873)	(2,764,920)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>16,159,478</u>	<u>100,699,295</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	288,830,870	234,908,980
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(322,209,890)	(282,962,480)
Pengagihan kepada pemegang unit	(24,820,890)	(27,463,294)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(58,199,910)</u>	<u>(75,516,794)</u>
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(42,040,432)	25,182,501
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	(1,003,878)	572,081
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>133,117,801</u>	<u>65,618,061</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	17,042,532	22,021,425
Deposit dengan institusi kewangan	73,030,959	69,351,218
Tunai dan persamaan tunai	<u>90,073,491</u>	<u>91,372,643</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 MEI 2023

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 24 September 2001, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 24 September 2001 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 30 Jun 2006.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 22 Jun 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Disember 2022 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dikenalpasti apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- Ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- Ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (FVTOCI) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: [*Revenue from contract with customers*], dan dinyatakan berasingan dalam untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elaan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara;
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan;
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang pada awalnya dikenalpasti pada nilai saksama termasuk kos transaksi secara langsung dan seterusnya dinilai pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindah milik atau liabiliti diambil alih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation*.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tempoh diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh dimasuki oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

Prestasi Unit Amanah untuk tempoh kewangan semasa mungkin dipengaruhi oleh peningkatan turun naik di pasaran saham. Pengurus sedang mengawasi situasi ini dengan teliti dan akan terus menilai kesannya terhadap operasi dan prestasi Unit Amanah apabila situasi semakin berkembang. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Unit Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada Nilai Aset Bersih (NAB) boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurus yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023 ialah 1% (enam bulan berakhir 31 Mei 2022: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM400,000 atau 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023 telah ditetapkan pada RM200,000 (enam bulan berakhir 31 Mei 2022: RM200,000) daripada NAB Unit Amanah.

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

31.5.2023 **30.11.2022**
RM **RM**

Pada Kos:

Pelaburan disebut harga:

Saham biasa	418,009,123	445,559,533
-------------	-------------	-------------

Pada Nilai Saksama:

Pelaburan disebut harga:

Saham biasa	251,840,345	284,490,877
-------------	-------------	-------------

Pelaburan Disebut Harga

Pelaburan disebut harga pada 31 Mei 2023 adalah seperti berikut

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Saham biasa				
Perkhidmatan Komunikasi				
Astro Malaysia Holdings				
Berhad	2,300,000	7,093,430	1,541,000	0.19
Axiata Group				
Berhad	3,264,673	21,536,615	9,075,792	1.14
	<u>5,564,673</u>	<u>28,630,045</u>	<u>10,616,792</u>	<u>1.33</u>
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Padini Holdings				
Berhad	969,000	5,811,625	3,604,680	0.45
UMW Holdings				
Berhad	993,400	10,616,688	3,824,590	0.48
	<u>1,962,400</u>	<u>16,428,313</u>	<u>7,429,270</u>	<u>0.93</u>
Barangan Asasi Pengguna				
Kuala Lumpur				
Kepong Berhad	438,500	12,150,690	9,155,880	1.16
Sime Darby Plantation				
Berhad	2,500,000	13,270,553	10,550,000	1.33
	<u>2,938,500</u>	<u>25,421,243</u>	<u>19,705,880</u>	<u>2.49</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada
				31.5.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Tenaga				
Sapura Energy				
Berhad	9,348,476	11,592,882	327,197	0.04
Velesto Energy				
Berhad	12,000,000	3,909,056	2,760,000	0.35
	<u>21,348,476</u>	<u>15,501,938</u>	<u>3,087,197</u>	<u>0.39</u>
Kewangan				
AMMB Holdings				
Berhad	2,496,000	16,430,816	9,085,440	1.14
CIMB Group Holdings				
Berhad	7,512,249	52,253,987	36,209,040	4.56
Malayan Banking				
Berhad	3,349,285	31,959,087	28,971,315	3.65
Public Bank Berhad	8,712,100	39,200,498	33,193,101	4.18
	<u>22,069,634</u>	<u>139,844,388</u>	<u>107,458,896</u>	<u>13.53</u>
Penjagaan Kesihatan				
IHH Healthcare				
Berhad	127,600	853,484	736,252	0.09
Supermax Corporation				
Berhad	623,303	5,274,865	601,487	0.08
	<u>750,903</u>	<u>6,128,349</u>	<u>1,337,739</u>	<u>0.17</u>
Perindustrian				
Econpile Holdings				
Berhad	5,171,000	3,774,574	1,008,345	0.13
Gamuda Berhad	4,768,300	23,357,096	21,171,252	2.67
HSS Engineers				
Berhad	2,059,300	3,089,213	1,029,650	0.13
IJM Corporation				
Berhad	2,511,000	8,684,658	4,118,040	0.52
Sunway Construction				
Group Berhad	2,643,300	5,921,330	4,440,744	0.56
	<u>17,152,900</u>	<u>44,826,871</u>	<u>31,768,031</u>	<u>4.01</u>
Bahan Asas				
Press Metal Berhad	3,333,700	21,518,570	15,368,357	1.94

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada
				31.5.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Hartanah				
Eco World Development Group Berhad	3,327,800	5,141,964	2,479,211	0.31
Eco World International Berhad	3,500,000	4,200,000	2,117,500	0.27
IOI Properties Group Berhad	3,375,000	7,641,894	3,678,750	0.46
Mah Sing Group Berhad	6,428,612	10,878,374	3,825,024	0.48
Sime Darby Property Berhad	5,227,663	7,974,637	2,430,863	0.31
S P Setia Berhad	5,414,441	18,746,782	2,869,654	0.36
	<u>27,273,516</u>	<u>54,583,651</u>	<u>17,401,002</u>	<u>2.19</u>
Utiliti				
Malakoff Berhad	6,450,000	10,464,373	3,902,250	0.49
Petronas Gas Berhad	200,000	4,359,051	3,348,000	0.42
Tenaga Nasional Berhad	2,850,000	44,912,192	27,103,500	3.42
YTL Corporation Berhad	3,415,908	5,390,139	3,313,431	0.42
	<u>12,915,908</u>	<u>65,125,755</u>	<u>37,667,181</u>	<u>4.75</u>
Jumlah saham biasa	<u>115,310,610</u>	<u>418,009,123</u>	<u>251,840,345</u>	<u>31.73</u>
Jumlah pelaburan disebut harga	<u>115,310,610</u>	<u>418,009,123</u>	<u>251,840,345</u>	<u>31.73</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL)

	31.5.2023	30.11.2022
	RM	RM
Pada Kos		
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti		
hutang tidak disebut harga:	(a)	303,608,587
Terbitan Pelaburan Kerajaan	22,088,643	41,172,541
Sekuriti Kerajaan Malaysia	20,683,077	9,750,687
Nota Islam Jangka Sederhana	238,936,398	224,012,508
Bon Kerajaan Luar Negara	21,900,469	8,775,941
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(b)	4,246,752
Pelaburan disebut harga -		
Dalam Negara	(c)	124,494,689
Saham biasa	106,962,177	74,172,027
Saham keutamaan	2,590,424	2,590,424
REITs	14,942,088	14,360,564
Pelaburan disebut harga -		
Luar Negara	(d)	118,391,565
Saham biasa	88,910,881	92,337,793
Skim Pelaburan Kolektif	29,480,684	18,344,390
	<u>550,741,593</u>	<u>489,690,439</u>
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti		
hutang tidak disebut harga:	(a)	304,706,473
Terbitan Pelaburan Kerajaan	21,418,900	39,277,100
Sekuriti Kerajaan Malaysia	21,060,000	10,330,000
Nota Islam Jangka Sederhana	240,336,900	221,610,590
Bon Kerajaan Luar Negara	21,890,673	8,280,704
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(b)	3,401,712
Pelaburan disebut harga -		
Dalam Negara	(c)	88,236,107
Saham biasa	77,417,904	40,871,082
Saham keutamaan	1,461,818	1,577,366
REITs	9,356,385	8,506,250
Pelaburan disebut harga -		
Luar Negara	(d)	79,565,096
Saham biasa	51,500,514	52,744,420
Skim Pelaburan Kolektif	28,064,582	15,888,693
	<u>475,909,388</u>	<u>402,364,511</u>

(a) **Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga**

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Mei 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Terbitan Pelaburan Kerajaan				
4.64% Government of Malaysia 15.11.2049	10,000,000	11,629,366	10,605,100	1.34
4.76% Government of Malaysia 4.8.2037	10,000,000	10,459,277	10,813,800	1.36
Jumlah Terbitan Pelaburan Kerajaan	20,000,000	22,088,643	21,418,900	2.70
Sekuriti Kerajaan Malaysia				
4.89% Government of Malaysia 8.6.2038	10,000,000	10,818,314	11,030,000	1.39
3.84% Government of Malaysia 15.4.2033	10,000,000	9,864,763	10,030,000	1.26
Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia	20,000,000	20,683,077	21,060,000	2.65
Nota Islam Jangka Sederhana				
5.00% Cagamas Berhad 28.10.2033	5,000,000	5,707,380	5,326,000	0.67
4.40% CIMB Group Holdings Berhad 8.9.2027	5,000,000	5,000,000	5,040,950	0.64

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
3.93% Edotco Malaysia Sdn. Bhd. 9.3.2025	5,000,000	5,000,000	5,009,350	0.63
4.85% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 7.9.2023	5,000,000	5,000,000	5,010,900	0.63
4.85% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 2.11.2023	10,000,000	10,000,000	10,034,000	1.26
4.97% Imtiaz Sukuk II Berhad 8.11.2027	5,000,000	5,000,000	5,178,750	0.65
5.35% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.6.2024	4,000,000	4,000,000	4,048,160	0.51
5.42% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.6.2025	2,000,000	2,000,000	2,044,140	0.26
5.40% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.12.2024	4,000,000	4,000,000	4,068,680	0.51
5.30% Johor Port Berhad 4.10.2029	5,000,000	5,000,000	5,248,900	0.66
3.95% Kuala Lumpur Kepong Berhad 27.9.2034	5,000,000	5,000,000	4,779,750	0.60

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
3.75% Kuala Lumpur Kepong Berhad 27.9.2029	10,000,000	10,000,000	9,784,100	1.23
4.63% Malayan Banking Berhad 31.1.2024	10,000,000	10,000,000	10,049,100	1.27
5.75% Malaysia Airports Holdings Berhad 13.12.2024	3,000,000	3,000,000	3,049,020	0.38
5.20% MNRB Holdings Berhad 22.3.2024	15,000,000	15,000,000	15,084,000	1.90
2.67% Pengerang LNG (Two) Sdn. Bhd. 21.10.2026	5,000,000	5,000,000	4,797,900	0.60
4.54% Petroleum Sarawak Exploration and Production Sdn. Bhd. 22.2.2030	5,000,000	5,014,419	5,079,100	0.64
4.84% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 28.12.2028	15,000,000	15,000,000	15,258,900	1.92
4.64% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 27.12.2029	10,000,000	10,000,000	10,051,400	1.27
4.68% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 27.12.2030	10,000,000	10,000,000	10,046,500	1.27

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.81% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 28.12.2027	5,000,000	5,000,000	5,074,650	0.64
3.67% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 24.12.2024	10,000,000	10,000,000	9,915,000	1.25
4.10% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 17.10.2024	5,000,000	5,000,000	5,004,650	0.63
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	10,000,000	10,000,000	10,206,400	1.29
6.33% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	10,000,000	10,000,000	10,265,100	1.29
6.48% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	20,000,000	20,000,000	20,647,600	2.60
4.50% Public Islamic Bank Berhad 17.12.2027	5,000,000	5,000,000	5,085,400	0.64
3.65% Sarawak Energy Berhad 15.6.2035	5,000,000	5,000,000	4,650,550	0.59
4.82% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.4.2024	10,000,000	10,057,449	10,073,700	1.27

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.00% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.4.2027	10,000,000	10,152,152	10,250,700	1.29
4.79% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 31.10.2023	5,000,000	5,004,998	5,018,100	0.63
4.58% TNB Power Generation Sdn. Bhd. 29.3.2033	5,000,000	5,000,000	5,155,450	0.65
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	238,000,000	238,936,398	240,336,900	30.27
Bon Kerajaan Luar Negara				
1.375% US Treasury 16-31/08/2023	1,000,000	4,393,207	4,551,827	0.57
0.25% US Treasury 20-15/06/2023	1,000,000	4,492,692	4,587,210	0.58
2.75% US Treasury 22-15/08/2032	1,000,000	4,393,583	4,255,293	0.54
5.25% Dubai Government 13-30/01/2043	2,000,000	8,620,987	8,496,343	1.07
Jumlah Bon Kerajaan Luar Negara	5,000,000	21,900,469	21,890,673	2.76
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	283,000,000	303,608,587	304,706,473	38.38

(b) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan pada 31 Mei 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Maybank Dana Arif C-MYR	2,990,665	1,508,563	1,528,828	0.19
Maybank Ethical Trust Fund	5,977,924	2,738,189	1,872,884	0.24
	<u>8,968,589</u>	<u>4,246,752</u>	<u>3,401,712</u>	<u>0.43</u>
Jumlah skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	<u>8,968,589</u>	<u>4,246,752</u>	<u>3,401,712</u>	<u>0.43</u>

(c) Pelaburan disebut harga - Dalam negara

Pelaburan disebut harga - dalam negara pada 31 Mei 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Saham biasa				
Perkhidmatan Komunikasi				
Telekom Malaysia Berhad	700,000	4,190,020	3,570,000	0.45
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Bermaz Auto Berhad	1,209,600	2,579,857	2,624,831	0.33
MBM Resources Berhad	557,100	2,164,450	1,944,279	0.25
	<u>1,766,700</u>	<u>4,744,307</u>	<u>4,569,110</u>	<u>0.58</u>
Barangan Asasi Pengguna				
Hap Seng Plantations Holdings Berhad	819,300	2,428,903	1,540,284	0.19
IOI Corporation Berhad	1,000,000	4,651,800	3,690,000	0.46
	<u>1,819,300</u>	<u>7,080,703</u>	<u>5,230,284</u>	<u>0.65</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023
				%
Saham biasa (samb.)				
Tenaga				
Bumi Armada Berhad	11,239,800	8,246,556	7,024,875	0.89
Dialog Group Berhad	1,224,100	3,216,510	2,644,056	0.33
Sapura Energy Berhad	10,357,334	9,402,253	362,507	0.05
	<u>22,821,234</u>	<u>20,865,319</u>	<u>10,031,438</u>	<u>1.27</u>
Kewangan				
RHB Bank Berhad	10,548	49,998	56,432	0.01
Penjagaan Kesihatan				
KPJ Healthcare Berhad	6,000,000	6,876,250	7,080,000	0.89
Perindustrian				
Malaysia Airports Holdings Berhad	2,898,226	20,677,393	20,026,742	2.52
Capital A Berhad	4,900,000	18,646,619	3,822,000	0.48
IJM Corporation Berhad	1,500,000	2,793,497	2,460,000	0.31
SKP Resources Berhad	500,000	681,550	510,000	0.06
	<u>9,798,226</u>	<u>42,799,059</u>	<u>26,818,742</u>	<u>3.37</u>
Teknologi Maklumat				
SFP Tech Holdings Berhad	1,301,900	3,478,030	3,189,655	0.40
Unisem (Malaysia) Berhad	1,157,700	4,708,841	3,612,024	0.46
Vitrox Corporation Berhad	44,100	361,620	343,980	0.04
GHL Systems Berhad	1,578,300	2,126,329	1,238,966	0.16
Greatech Technology Berhad	350,000	1,797,670	1,445,500	0.18
Pentamaster Corporation Berhad	500,000	2,572,200	2,500,000	0.32
	<u>4,932,000</u>	<u>15,044,690</u>	<u>12,330,125</u>	<u>1.56</u>

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Utiliti				
YTL Corporation Berhad	7,970,900	5,311,831	7,731,773	0.97
Jumlah saham biasa	55,818,908	106,962,177	77,252,904	9.75
Saham keutamaan				
Tenaga				
Sapura Energy Berhad - Redeemable Convertible Preference Shares				
Islamic	2,955,871	1,211,907	192,132	0.02
Hartanah				
S P Setia Berhad - Redeemable Convertible Preference Shares				
- Islamic C	3,627,675	1,378,517	1,269,686	0.16
Jumlah Saham Keutamaan	6,583,546	2,590,424	1,461,818	0.18
REITs				
AME Real Estate Investment Trust				
Capitaland Malaysia Investment Trust	1,445,500	1,721,322	1,763,510	0.22
Pavilion Real Estate Investment Trust	5,479,800	8,546,331	2,767,299	0.35
Sunway Real Estate Investment Trust	1,000,000	1,363,466	1,280,000	0.16
	2,175,200	3,310,969	3,545,576	0.45
	10,100,500	14,942,088	9,356,385	1.18
Jumlah REITs	10,100,500	14,942,088	9,356,385	1.18
Jumlah pelaburan disebut harga - dalam negara				
	72,502,954	124,494,689	88,071,107	11.11

(d) **Pelaburan disebut harga - Luar negara**

Pelaburan disebut harga - luar negara pada 31 Mei 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Saham biasa				
China				
Penjagaan Kesihatan				
Aier Eye Hospital Group Co Ltd	130,000	2,980,190	2,290,637	0.29
Teknologi Maklumat				
Longi Green Energy Technology Co Ltd	90,900	3,765,156	1,738,399	0.22
Perancis				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Kering SA	1,000	2,748,559	2,531,493	0.32
Hong Kong				
Perkhidmatan Komunikasi				
Tencent Holdings Ltd	22,000	5,676,025	4,083,263	0.51
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Meituan	1,200	199,807	81,989	0.01
JD.com Inc	571	115,414	43,571	0.01
Shenzhou International Group Holdings Ltd	50,000	3,093,794	1,879,801	0.24
	51,771	3,409,015	2,005,361	0.26
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Bukalapak.com PT Tbk	27,000,000	6,719,027	1,790,084	0.23
Goto Gojek Tokopedia Tbk PT	41,416,532	4,527,571	1,385,658	0.17
	68,416,532	11,246,598	3,175,742	0.40

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Korea Selatan				
Barangan Asasi Pengguna				
LG H&H Co Ltd	1,000	2,670,497	1,860,156	0.23
Teknologi Maklumat				
SK Hynix Inc	6,000	2,021,607	2,296,737	0.29
Samsung Electronics Co Ltd	17,500	4,209,660	4,390,975	0.55
	23,500	6,231,267	6,687,712	0.84
Amerika Syarikat				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Coupang Corp	36,445	4,628,502	2,580,634	0.33
Sea Limited	6,000	7,097,033	1,615,824	0.20
	42,445	11,725,535	4,196,458	0.53
Tenaga				
Daqo New Energy Corporation	13,434	5,089,388	2,280,524	0.29
Penjagaan Kesihatan				
Edwards Lifesciences Corp	5,000	2,564,415	1,871,610	0.24
Teknologi Maklumat				
PropertyGuru Group Ltd	48,060	2,014,663	959,050	0.12
Adobe Inc	3,500	6,454,198	6,714,140	0.85
Grab Holdings Inc	311,647	13,114,228	4,184,210	0.53
Block Inc	9,617	5,098,552	2,601,836	0.33
Advanced Micro Devices Inc	7,500	4,122,595	4,319,923	0.54
	380,324	30,804,236	18,779,159	2.37
Jumlah saham biasa				
	69,177,906	88,910,881	51,500,514	6.50

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.5.2023 %
Skim Pelaburan Kolektif				
United Kingdom				
JPM BetaBuilders US Treasury Bond 0-1 yr UCITS ETF USD Acc	8,500	4,082,667	4,084,943	0.51
iShares \$ Treasury Bond 20+yr UCITS ETF USD	240,000	4,142,902	4,210,468	0.53
	<u>248,500</u>	<u>8,225,569</u>	<u>8,295,411</u>	<u>1.04</u>
Jepun				
Nikko Exchange Traded Index Fund TOPIX	115,000	8,662,318	8,539,197	1.08
Amerika Syarikat				
Sprott Uranium Miners ETF	24,000	4,526,277	3,233,304	0.41
iShares Semiconductor ETF	1,800	4,096,222	4,049,299	0.51
iShares MSCI Thailand Investable Market Index Fund	12,500	3,970,298	3,947,371	0.50
	<u>38,300</u>	<u>12,592,797</u>	<u>11,229,974</u>	<u>1.42</u>
Jumlah skim pelaburan kolektif	<u>401,800</u>	<u>29,480,684</u>	<u>28,064,582</u>	<u>3.54</u>
Jumlah pelaburan disebut harga luar negara	<u>69,579,706</u>	<u>118,391,565</u>	<u>79,565,096</u>	<u>10.04</u>

9. LIABILITI DERIVATIF (FVTPL)

	Tarikh matang	Amaun Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset/(Liabiliti) RM
Beli MYR 4,451,800				
Jual USD 1,000,000	6.6.2023	4,451,800	4,596,026	(144,226)
Beli MYR 2,214,350				
Jual USD 500,000	9.6.2023	2,214,350	2,297,593	(83,243)
Beli MYR 2,214,350				
Jual USD 500,000	9.6.2023	2,214,350	2,297,593	(83,243)
Beli MYR 2,213,975				
Jual USD 500,000	12.6.2023	2,213,975	2,297,165	(83,190)
Beli MYR 2,213,975				
Jual USD 500,000	12.6.2023	2,213,975	2,297,165	(83,190)
		<u>13,308,450</u>	<u>13,785,542</u>	<u>(477,092)</u>

Kerugian bersih daripada liabiliti derivatif (FVTPL)

	31.5.2023 RM	30.11.2022 RM
Kerugian ternyata daripada kontrak mata wang asing hadapan	(35,400)	-
Kerugian tidak ternyata nilai saksama daripada kontrak mata wang asing hadapan	(477,092)	-
	<u>(512,492)</u>	<u>-</u>

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Pada kos	31.5.2023 RM	30.11.2022 RM
Bank-bank berlesen	<u>73,030,959</u>	<u>104,677,094</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	31.5.2023		30.11.2022	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	3.13	3	3.07	1
Lain-lain institusi Kewangan	-	-	2.75	1

11. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	31.5.2023	30.11.2022
	RM	RM
Dividen belum diterima	79,743	180,756
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain	3,141,630	2,769,048
	<u>3,221,373</u>	<u>2,949,804</u>

12. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PNB

	31.5.2023	30.11.2022
	RM	RM
Jumlah terhutang kepada PNB: Pembatalan unit	<u>7,672,000</u>	<u>-</u>

13. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.5.2023		30.11.2022	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/ tahun	915,900,000	1,000,420,670	1,002,310,000	1,078,844,160
Penjadian unit untuk				
-Jualan	292,700,000	266,132,630	368,400,000	340,662,460
-Pengagihan semula pelaburan	25,700,000	22,698,240	28,700,000	27,293,700
	<u>318,400,000</u>	<u>288,830,870</u>	<u>397,100,000</u>	<u>367,956,160</u>
Pembatalan unit	<u>(363,400,000)</u>	<u>(329,881,890)</u>	<u>(483,510,000)</u>	<u>(446,379,650)</u>
	<u>(45,000,000)</u>	<u>(41,051,020)</u>	<u>(86,410,000)</u>	<u>(78,423,490)</u>
Pada akhir tempoh/ tahun	<u>870,900,000</u>	<u>959,369,650</u>	<u>915,900,000</u>	<u>1,000,420,670</u>

14. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Mei 2023, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mei 2023, PNB secara sah memegang 8,998,327 (30 November 2022: 11,152,277) unit, merangkumi 1.03% (30 November 2022: 1.22%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

15. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
CIMB Islamic Bank Berhad*	41,156,233	9.70	-	-
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	40,305,433	9.50	53,277	15.54
AmlInvestment Bank Berhad*	34,706,425	8.18	16,555	4.83
Credit Suisse Securities Malaysia Sdn. Bhd.	32,947,418	7.76	42,382	12.36
CLSA Securities Malaysia Bank Berhad	32,229,086	7.59	47,625	13.89
KAF Equities Sdn. Bhd.*	24,345,356	5.74	30,820	8.99
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	23,115,103	5.45	31,182	9.09
JP Morgan Securities Malaysia Sdn. Bhd.	22,845,030	5.38	33,020	9.63
AmBank Berhad*	20,674,008	4.87	-	-
United Overseas Bank Bank (Malaysia) Berhad	20,563,116	4.83	-	-
Lain-lain	131,598,779	31.00	87,988	25.67
	424,485,987	100.00	342,849	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

16. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2023	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2022
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.48 kali	1.04 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2023	Tempoh enam bulan berakhir 31.5.2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.68%	0.86%

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

18. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

31.5.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	251,840,345	-	-	251,840,345
	251,840,345	-	-	251,840,345

31.5.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	167,801,203	-	-	167,801,203
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	304,706,473	-	304,706,473
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	3,401,712	-	-	3,401,712
	<u>171,202,915</u>	<u>304,706,473</u>	<u>-</u>	<u>475,909,388</u>

30.11.2022	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	<u>284,490,877</u>	-	-	<u>284,490,877</u>
	<u>284,490,877</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>284,490,877</u>

Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	119,587,811	-	-	119,587,811
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	279,498,394	-	279,498,394
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	3,278,306	-	-	3,278,306
	<u>122,866,117</u>	<u>279,498,394</u>	<u>-</u>	<u>402,364,511</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tempoh kewangan semasa dan sebelumnya.

19. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

(i) Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima.

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan dalam dan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

(v) Pelaburan tidak disebut harga

Unit Amanah menggunakan kaedah aliran tunai diskaun untuk menentukan nilai saksama bagi pelaburan tidak disebut harga. Kaedah atau gabungan beberapa kaedah berbeza boleh digunakan bergantung pada keadaan seperti perubahan dalam syarikat, amalan industri dan evolusi dalam pelbagai kaedah penilaian. Oleh itu, nilai saksama setiap syarikat akan berbeza-beza bergantung pada kaedah yang digunakan.

20. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

21. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 30 November 2022.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Disember 2021 sehingga 31 Mei 2022.

22. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPA A 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah

JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

PENGURUS

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya
No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my